



ABDULLAH Ahmad Badawi, Najib Tun Razak dan Mohamed Zahir Ismail (lima dari kiri) bergambar bersama ahli-ahli Parlimen selepas majlis angkat sumpah di Dewan Parlimen, Kuala Lumpur semalam.

# Pastikan wakil BN hadir sidang Parlimen

UM-18/5/2004: 2

**K**UALA LUMPUR 17 Mei — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu semua ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) menghadiri setiap kali persidangan Dewan Rakyat serta memastikan perbahasan mereka bermutu tinggi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, peringatan Najib selaku Ketua Whip BN itu disampaikan pada pertemuan tertutup dengan kesemua Ahli Parlimen BN di bangunan Parlimen hari ini.

Nazri memberitahu, Najib menegaskan bahawa mereka yang gagal berbuat demikian perlu mengemukakan alasan secara bertulis kepada pejabat Whip.

Najib juga menasihatkan kesemua wakil rakyat BN mengambil bahagian setiap kali perbahasan diadakan, kata Nazri kepada pemberita di lobi Parlimen di sini.

Di samping itu, wakil rakyat BN juga diingatkan bahawa mereka mempunyai ruang untuk membawa apa juga cadangan terhadap pindaan kepada Rang Undang-Undang di peringkat jawatankuasa.

“Ini kerana pada masa lalu, tidak ada pindaan langsung (terhadap Rang Undang-Undang) di peringkat jawatankuasa.

“Di samping itu, kerajaan juga membenarkan lebih banyak Jawatankuasa Senat diwujudkan untuk membincangkan perkara-perkara yang penting,” ujarnya.

Berhubung kesilapan fakta pada warta kerajaan yang dibangkitkan oleh ahli Parlimen Pas Tumpat, Datuk Kamaruddin Jaafar tentang nama ahli Parlimen Mersing yang menang pada pilihan raya umum lalu, Nazri berkata:

“Dari segi peraturan seperti mana diputuskan oleh

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Dr. Abdul Latif adalah ahli Parlimen yang sah kerana kemenangannya pada pilihan raya umum lalu sudah disahkan oleh pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).”

Dalam warta itu menyebut Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latif Ahmad (BN) mendapat 4,699 undi manakala Idris Tukachi (Pas) memperoleh 19,222 undi.

Menurut Kamaruddin, berdasarkan warta itu jelas menyatakan Dr. Abdul Latif kalah pada pilihan raya umum lalu tetapi beliau mengangkat sumpah sebagai ahli Dewan Rakyat hari ini.

Nazri memberitahu, beliau tidak menolak kemungkinan terdapat masalah teknikal dari segi percetakan hingga menimbulkan kesilapan itu.

“Bagaimanapun kita akan siasat di mana kesilapan

itu,” katanya sambil menambah ia akan meliputi Percetakan Nasional yang mencetak warta tersebut.

Nazri menambah, warta itu juga tidak diberikan kepada ahli-ahli Parlimen yang mana semakan itu tidak dapat dibuat lebih awal.

Terdahulu beliau memberitahu, Pengerusi Jawatankuasa Pemeriksa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan diserahkan kepada BN dan keputusan itu adalah muktamad.

Katanya, walaupun pembangkang membantah cadangan tersebut dan menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengkaji semula perkara tersebut, ia tidak akan mengubah keputusan itu.

“Saya fikir Perdana Menteri akan mengekalkan keputusan itu,” katanya.